

18/10/2000

Pembangking politikkan isu wabak

PENYOKONG kerajaan dan pembangking bertikam lidah apabila Ahli Parlimen Pas mendakwa kerajaan mempolitikkan isu penyakit tangan, kaki dan mulut ketika perbahasan rang Undang-undang Kanak-Kanak 2000 di Dewan Rakyat, semalam.

Bagaimanapun, kenyataan Datuk Kamaruddin Jaafar (Pas-Tumpat) itu disanggah penyakong kerajaan apabila mereka menjelaskan pemerintah tidak pernah mempolitik isu yang membabitkan kesihatan rakyat.

Kamaruddin sebelum itu berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempolitikkan isu kesihatan apabila mendakwa penyakit taun yang berlaku di Kelantan disebabkan kelemahan kerajaan negeri.

Beliau berkata, kenyataan yang bercanggah di antara Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perpaduan Nasional dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, juga membuktikan isu berkenaan dipolitikan.

Mendengar kenyataan itu, Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) bangun dan menjelaskan bahawa penyakit tangan, kaki dan mulut tidak mempunyai kaitan dengan taun.

"Menteri Besar Kelantan (Datuk Nik Aziz Nik Mat) sendiri mengakui penyakit taun itu disebabkan penduduk negeri itu tidak mementingkan kebersihan dan sistem bekalan air yang lemah," katanya.

(END)